

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97**

April 1997

FTF 324 - Praktis Farmasi III

Masa: 3 jam

Kertas ini mengandungi **ENAM (6)** soalan dan 18 muka surat yang bertaip.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Soalan 1 adalah wajib dan mesti dijawab di atas skrip yang disediakan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

.....2/-

ANGKA GILIRAN

I. SOALAN PILIHAN BERGANDA. Jawab semua soalan dengan menandakan (✓) pada ruang yang dikhaskan bertentangan dengan jawapan atau pernyataan yang **BETUL ATAU PALING SESUAI** bagi sesuatu soalan. Hanya **SATU** jawapan/pernyataan sahaja yang betul atau paling sesuai bagi tiap-tiap soalan. Sebahagian markah akan ditolak bagi jawapan yang salah.

1. Yang mana di antara langkah-langkah berikut kurang mustahak untuk mencapai terapeutik rasional?
 - (A) Suatu diagnosis yang tepat bagi keadaan penyakit pesakit.
 - (B) Suatu kefahaman patofisiologi dan terapeutik yang baik.
 - (C) Penentuan keputusan matlamat rawatan yang jelas.
 - (D) Tiada jawapan di atas.

2. Yang mana di antara aktiviti-aktiviti berikut memerlukan kurang penglibatan pengamal farmasi?
 - (A) Pengambilan sejarah ubat.
 - (B) Menyaring preskripsi.
 - (C) Memonitor terapi drug.
 - (D) Administrasi ubat.

.....3/-

ANGKA GILIRAN

3. Yang mana di antara berikut adalah "outcome" paling mustahak untuk dicapai dalam terapi drug?
- (A) "Outcome" klinikal.
 - (B) "Outcome" ekonomi.
 - (C) "Outcome" humanistik.
 - (D) A, B dan C.
4. Yang mana di antara faktor-faktor berikut mempengaruhi pemilihan terapi drug?
- (A) Faktor-faktor farmakodinamik.
 - (B) Faktor-faktor pesakit.
 - (C) Faktor-faktor klinikal.
 - (D) A, B dan C.
5. Yang mana di antara berikut adalah satu sumbangan bersendirian farmaseutikal dalam terapi drug?
- (A) Sejarah drug.
 - (B) Menasihati pilihan rawatan.
 - (C) Mendokumen tindak balas mudarat drug.
 - (D) Praktis komuniti yang merujuk pesakit kepada doktor.

.....4/-

ANGKA GILIRAN

6. Yang mana di antara berikut adalah sumbangan kolaboratif farmaseutikal dalam terapi drug?
- (A) Menasihati tentang kepekatan drug plasma.
 - (B) Menasihati tentang polisi mempreskripsi drug.
 - (C) Menilai efikasi dan toksisiti drug.
 - (D) A, B dan C.
7. Yang mana di antara berikut adalah contoh bagi interaksi drug-penyakit?
- (A) Lidokain - Kegagalan renal.
 - (B) Fenitoin - Ataksia.
 - (C) Teofilin - Sirosis.
 - (D) Aspirin - Sindrom Reye.
8. Yang mana di antara item preskripsi berikut yang dianggap sebagai ralat penulisan preskripsi?
- (A) Drug bukan formulari.
 - (B) Natrium kromolin diberi secara PRN.
 - (C) Digoksin 0.25 mg. untuk pesakit yang berumur 75 tahun.
 - (D) Glipizid diberikan pada pesakit yang alah terhadap sulfonamida.

.....5/-

ANGKA GILIRAN

9. Yang mana di antara gabungan drug berikut dianggap mempunyai kesan farmakologi tambahan yang dikehendaki?
- (A) Spironolakton dan Kalium klorida.
 - (B) Aluminium hidroksid dan Linktus kodein.
 - (C) Teofilin dan Salbutamol.
 - (D) Kafein dan Efedrin.
10. Yang mana di antara soalan-soalan terbuka berikut yang sesuai digunakan untuk menilai komplian pesakit dalam sesi kaunseling drug?
- (A) Apakah yang doktor beritahu tentang ubat anda?
 - (B) Bagaimanakah doktor beritahu anda tentang cara untuk mengambil ubat ini?
 - (C) Bagaimanakah agaknya ubat-ubat ini berkesan pada anda?
 - (D) Apakah yang doktor beritahu anda tentang kesan ubat ini?
11. Yang mana di antara drug berikut dapat mengurangkan penyerapan digoxin?
- (A) Eritromisin.
 - (B) Antasid.
 - (C) Propantelin.
 - (D) Warfarin.

.....6/-

(FTF 324)

ANGKA GILIRAN

12. Yang mana di antara drug anti-inflamatori bukan-steroid (NSAID) berikut paling kurang atau tidak berinteraksi langsung dengan frusemid?
- (A) Sulindak.
 - (B) Naproksen.
 - (C) Asid mefenamik.
 - (D) Diklofenak.
13. Yang mana di antara pernyataan berikut tentang penglabelan preskripsi untuk pesakit adalah benar?
- (A) Perlu ditaip supaya ia mudah dibaca, kemas dan kelihatan menarik.
 - (B) Label berwarna merah harus dicadangkan bagi kanak-kanak supaya ia lebih menarik.
 - (C) Nama dan alamat pesakit perlu dicatat tetapi nama dan alamat farmasi tidak perlu dicatatkan.
 - (D) Arahan pengambilan drug tidak semestinya dicatat kecuali bagi pesakit-pesakit tua dan kanak-kanak.

.....7/-

(FTF 324)

ANGKA GILIRAN

14. Yang mana di antara pernyataan berikut tentang label auksiliari adalah benar?

- (A) Nama syarikat pengeluar drug dan nombor lot sediaan perlu dicatatkan.
- (B) Tarikh luput sediaan perlu juga dicatatkan.
- (C) Kekuatan dan kuantiti drug perlu dicatatkan dengan jelas.
- (D) Ia mengandungi maklumat tambahan tentang cara menggunakan dan penyimpanan drug yang betul.


.....8/-

(FTF 324)


ANGKA GILIRAN

15. Yang mana di antara label auxiliari berikut adalah sesuai bagi naproksen?


..... (A)




..... (B)



..... (C)



..... (D)



.....9/-

(FTF 324)

ANGKA GILIRAN

16. Yang mana di antara pernyataan berikut tentang polifarmasi adalah benar?

- (A) Hampir semua polifarmasi mempunyai lebih kesan mudarat daripada kebaikan.
- (B) Setengah polifarmasi boleh menghasilkan kesan-kesan yang sinergistik.
- (C) Polifarmasi ditakrifkan sebagai mengambil lebih daripada satu drug yang berinteraksi antara satu dengan lain serta menyebabkan kesan mudarat ke atas pesakit.
- (D) Administrasi kedua-dua bentuk dosej tablet Lasix^R dan suntikan frusemid kepada pesakit tidaklah dianggap sebagai polifarmasi.

17. Di antara langkah-langkah yang terlibat di dalam proses penggunaan drug ialah:

- (i) Pilihan regimen perubatan.
- (ii) Pemerolehan produk drug.
- (iii) Kesan terapi drug.
- (iv) Tanggapan terhadap keperluan drug.
- (v) Mengetahui maklumat perundangan dan etika.

- (A) (i), (ii), (iii), (iv) dan (v)
- (B) (i), (ii), (iii) dan (iv) sahaja
- (C) (i), (ii) dan (iii) sahaja
- (D) (i), (ii), (iii) dan (v) sahaja.

.....10/-

ANGKA GILIRAN

18. Yang mana di antara berikut merupakan aktiviti penjagaan kesihatan diri sendiri?

- (i) Diagnosis.
- (ii) Pencegahan.
- (iii) Pemonitoran.
- (iv) Mengubati.
- (v) Mengekalkan dan menjaga tahap kesihatan.

..... (A) (ii), (iii), (iv) dan (v) sahaja

..... (B) (i), (iii), (iv) dan (v) sahaja.

..... (C) (i), (ii), (iii), (iv) dan (v)

..... (D) (iv) dan (v) sahaja.

19. Yang mana di antara tingkahlaku-tingkahlaku berikut penting bagi menentukan darjah keprofesionalan sesuatu pekerjaan?

- (i) Mempunyai autonomi.
- (ii) Mempunyai keyakinan bahawa profesionnya penting dan bermanfaat kepada masyarakat.
- (iii) Menggunakan organisasi atau badan profesional sebagai sumber rujukan utama.
- (iv) Merasa dirinya sebagai sebahagian daripada ahli pasukan/persatuan/organisasi yang berkaitan dengan profesionnya.
- (v) Mampu menyalahguna kuasa supaya orang bawahan tunduk kepada kehendaknya.

..... (A) (i), (iii), (iv) dan (v) sahaja

..... (B) (i), (ii), (iii), (iv) dan (v)

..... (C) (i), (ii), (iii) dan (iv) sahaja

..... (D) (ii) dan (iv) sahaja

(FTF 324)

ANGKA GILIRAN

20. Yang mana di antara berikut merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan drug?

- (i) Maklumat geografik.
- (ii) Corak dan jenis penyakit.
- (iii) Maklumat peribadi pengguna atau pesakit.
- (iv) Maklumat perundangan dan etika.
- (v) Jenis institusi kesihatan yang terlibat.

- (A) (i), (ii), (iii), (iv) dan (v)
- (B) (i), (ii), (iii) dan (iv) sahaja.
- (C) (ii), (iii), (iv) dan (v) sahaja.
- (D) (i), (ii), (iii) dan (v) sahaja.

(20 markah)

.....12/-

(FTF 324)

- II. (A) Di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Farmasi Malaysia yang telah diadakan pada bulan Disember 1996 yang lepas, anda telah dipilih sebagai Presiden persatuan tersebut bagi jangka masa tiga tahun. Terangkan langkah-langkah serta peranan yang akan anda ambil bagi menjaga serta meningkatkan tahap profesion farmasi di kalangan masyarakat negara ini.

(7 markah)

- (B) Huraikan tujuan penggunaan drug di kalangan masyarakat berdasarkan motif dan fungsi drug.

(13 markah)

.....13/-

III. Anda menerima preskripsi untuk seorang pesakit yang baru saja dimasukkan ke wad. Maklumat pesakit yang anda perolehi daripada preskripsinya adalah seperti berikut:

Nama	:	MN
Umur	:	66 tahun
Berat	:	55 kg.
No. Pendaftaran	:	05166
Tarikh Masuk	:	25.1.1997
Wad/No. katil	:	83/22
Alahan drug	:	Tidak diketahui

Senarai drug yang dipreskripsikan kepada pesakit tersebut adalah seperti berikut:

1. I.V. Imipenem 500 mg q 6 jam
2. I.V. Ranitidin 150 mg bid
3. I.V. Sefotaksim 1 g tds
4. T. Digoksin 0.125 mg sehari
5. T. Lasix^R 20 mg sehari
6. T. Slow K^R 600 mg sehari

(i) Terangkan tentang kepentingan data demografik pesakit yang terdapat dalam preskripsinya.

(5 markah)

(ii) Bincangkan maklumat lain yang anda perlukan bagi menentukan kesesuaian drug dan dosnya dalam preskripsi tersebut.

(5 markah)

(iii) Jelaskan tentang interaksi drug-drug yang ketara dalam preskripsi tersebut dan berikan cadangan anda tentang langkah-langkah yang harus dilakukan untuk mengatasi masalah ini.

(5 markah)

iv. Adakah polifarmasi merupakan satu masalah di dalam preskripsi di atas? Jika benar terangkan jawapan anda dengan memberikan satu penyelesaiannya.

(5 markah)

(FTF 324)

- IV. (A) Jika antiinfektif dan antibiotik digunakan sebagai satu contoh dalam pemantauan terapi drug, senaraikan parameter-parameter drug dan penyakit bagi pemantauan kesan terapeutik dan kesan mudarat agen-agen tersebut.

(10 markah)

- (B) Dengan ringkas, terangkan punca-punca bagi ralat pengubatan dan berikan cadangan anda untuk mengatasi masalah tersebut.

(6 markah)

- (C) Seorang pesakit tua mengalami kecederaan otak tak terbalikkan akibat menggunakan klorpropamid yang tertukar dengan klorpromazin. Apakah punca yang paling mungkin bagi ralat ini?

(2 markah)

- (D) Seorang wanita muda menjadi hamil akibat mengambil bersama-sama drug antituberkulosis dengan pil kontraseptif oral. Berikan komen anda.

(2 markah)

.....15/-

(FTF 324)

- V. (A) “Adakah bidang farmasi dianggap sebagai suatu profesion?” Berdasarkan fakta-fakta yang kukuh, jelaskan kenyataan tersebut.

(5 markah)

- (B) Sebagai seorang pegawai farmasi, anda dikehendaki memberikan ceramah kepada golongan wargatua berkenaan dengan pengurusan kesihatan diri sendiri. Jelaskan secara ringkas konsep pengurusan kesihatan diri sendiri.

(5 markah)

- (C) Makcik Timah, berumur 75 tahun menyerahkan preskripsi bagi mendapatkan bekalan ubatnya kepada pembantu anda. Hari itu adalah paling sibuk sekali bagi anda kerana ramai pelanggan datang serentak untuk mendapatkan bekalan ubat masing-masing. Apabila anda memanggil nama Makcik Timah, anda sedar bahawa dia ditemani oleh cucunya yang memberikan isyarat bahawa neneknya mengalami masalah pendengaran.

Jelaskan dengan ringkas bagaimana anda memberikan kaunseling kepada Makcik Timah.

(10 markah)

.....16/-

(FTF 324)

VI. Encik Abu, seorang lelaki dalam lingkungan umur lewat 40an menyerahkan preskripsi berikut di Farmasi Pesakit Luar:

Nama: Abu Awang	No. Siri: 04587
No. K.P.: A897657	R_x :
No. Daftar: 3125	Tab. Metoprolol i TDS
Umur: 46	Tab. Enalapril 20 mg. QD $\frac{1}{12}$
Tarikh: 1/4/97	Tab. Frusemid 40 mg. qAM
Diagnosis:	Tab. KCL 600 mg. Bid pc
HTN, CHF, PUD	Tab. Famotidin 40 mg. nocte
	KLINIK PESAKIT LUAR Dr. Ali, MD HOSPITAL BESAR

.....17/-

(FTF 324)

Apabila nama Abu dimasukkan ke dalam komputer, anda mendapati yang rekod profil pengubatannya adalah seperti berikut:

Tarikh	Nama & Kekuatan	Arahan	Kuantiti	Doktor
2/3/97	Tab. Metoprolol 100 mg.	i Bid	60	Ali
2/3/97	Tab. Frusemid 40 mg.	i qAM	30	Ali
2/3/97	Tab. KCL 600 mg.	i BiD	60	Ali
2/3/97	Simetidin 200 mg.	i QiD	120	Ali
ALAHAN: TIADA DIKETAHUI BEKALAN AKAN DATANG: 1/4/97				

- (A) Apakah pertimbangan anda tentang preskripsi Encik Abu apabila melihat profil pengubatannya? Berikan penjelasan anda.
(10 markah)
- (B) Anda memutuskan untuk menghubungi Dr. Ali. Apakah maklumat tambahan (jika ada) yang anda ingin tahu tentang masalah perubatan Encik Abu dan nyatakan cadangan anda berkenaan dengan terapi drugnya kepada Dr. Ali?
(6 markah)
- (C) Aspek utama semasa mendispen drug ialah untuk mengesahkan kefahaman pesakit tentang cara untuk mengambil drug dengan betul. Oleh itu, apakah teknik komunikasi dan pendispensan yang sesuai dilakukan semasa mendispen drug kepada Encik Abu?
(4 markah)

.....18/-

Nota Untuk Soalan 6

NAMA DRUG	KELAS	DOS NORMAL
Metoprolol	Penghalang-beta	100 - 200 mg. QD atau BiD (Maksimum: 400 mg. sehari)
Nota: Risiko penekanan miokardium jika digunakan bersama-sama dengan agen penghalang terusan kalsium dan agen antiaritmia kelas I.		
Enalapril	Perencat enzim pertukaran angiotensin	2.5 - 10 mg. sehari (Maksimum: 20 mg. sehari)
Nota: Kesan farmakologi tambahan mungkin berlaku apabila digunakan bersama-sama dengan agen antihipertensif lain.		
Fruzemid	Diuretik	40 - 120 mg. sehari
Nota: Pengambilan bersama-sama dengan alkohol, agen narkotik, barbiturat dan drug yang mempunyai kesan vasodilatasi mungkin boleh meningkatkan risiko hipotensi otostatik.		
Kalium klorida	Elektrolit	600 - 1800 mg. sehari (8 - 24 mEq)
Nota: Penggunaan bersama-sama dengan diuretik jimat kalium atau pesakit yang mengalami sirosis hepar mungkin boleh mendedahkan pesakit kepada hiperkalemia.		
Famotidin	Antagonis - H ₂	20 - 40 mg. sehari
Nota: Perhatian khas harus diberikan pada mereka yang mengandungi atau mengalami neoplasma gastrik.		
Simetidin	Antagonis - H ₂	200 mg. TDS & 400 mg. qhs atau 400 mg. BiD atau 800 mg. qhs
Nota: Perhatian khas harus diberikan pada golongan pesakit-pesakit geriatrik.		

oooOOOooo

